

Pendidikan seks ikut acuan kita



Wawancara

CADANGAN untuk mewujudkan pendidikan seks kembali diperkatakan dan mengundang reaksi positif dan negatif daripada pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan, guru-guru dan ibu bapa.

Ikuti wawancara wartawan *Kosmo!*, Junhairi Alyasa bersama Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong bagi mengupas isu itu.

KOSMO!: Mengapa kita perlu mewujudkan pendidikan seks di sekolah?

KA SIONG: Sudah ada kajian mengatakan ramai tidak mempunyai pengetahuan seks, mempunyai hubungan seks pada usia yang terlalu muda serta masalah AIDS menyebabkan kita perlu memben-

dung masalah ini. Sebenarnya dalam konteks pelajaran sudah ada elemen pendidikan mengenai seks seperti kesihatan, pendidikan sivik dan sains biologi tetapi dengan cara yang halus. Kita tidak jadikan sebagai satu subjek atau modul kerana perkara ini sangat sensitif dan perlu ditangani dengan baik.

Apa respons yang diberikan oleh orang ramai mengenai perkara ini?

Saya rasa reaksi bercampur-campur kepada mereka yang tidak pernah diberitahu tentang pendidikan seks ini. Ada yang terkilan dan mempertikalkan kenapa perlu kita wujudkan pendidikan seks dan semua ini adalah persepsi tetapi bagi mereka yang mempunyai pendidikan tinggi dan tinggal di bandar berasakan ia satu keperluan.

Bagaimana pula dengan pengalaman negara luar?

Kita tidak boleh meniru secara

Kita tidak boleh meniru secara bulat-bulat kerana budaya kita dengan budaya Barat berlainan

WEE KA SIONG

bulat-bulat kerana budaya kita dengan budaya Barat berlainan. Budaya Timur lebih konservatif dan dalam konservatif ini kita perlu tahu apa maklumat yang boleh kita sampaikan sama ada secara halus atau terbuka dan kita kena lihat keberkesanan secara menyeluruh. Sebab itu kita sangat perlukan kepada kajian.

Amerika Syarikat telah mewujudkan pendidikan seks dan difahamkan mereka masih tidak berjaya mengatasi masalah seks pada usia terlalu muda. Apa komen Datuk?

Saya rasa korelasi pendidikan seks dengan gejala maksiat di kalangan generasi muda tidak menggambarkan persefahaman atau kaitan secara signifikan antara kedua-duanya. Dalam erti kata lain



WEE KA SIONG

kalau ada pendidikan seks maka tidak ada gejala sosial, tidak semestinya perkara ini berlaku. Bagaimana kita hendak hindar, lakukan pencegahan dan menyemai nilai yang baik, ini semua harus datang sama seperti pendidikan moral termasuk pengetahuan Is-

lam secara pendidikan. Tetapi secara biologi juga kita perlu belajar secara halus. Ini perlukan pendedahan dan bukan dengan cara mensensasikan pendidikan seks ini.

Jika cadangan ini diteruskan dan guru menentang pelaksanaannya. Apa akan berlaku?

Saya rasa masih terlalu awal untuk kita buat sebarang andaian dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengarahkan satu jawatankuasa untuk menjalankan kajian, jadi biarlah kajian itu disiapkan untuk kita tahu hasil daripada kajian itu.

Apa perkembangan terkini tentang jawatankuasa tersebut?

Ita baru sahaja diumumkan. Saya rasa kita perlu tunggu sedikit masa lagi.

Ada cadangan supaya pendidikan seks ditukar kepada pengajian gender. Apa komen Datuk?

Kita kena lihat perkara ini sebagai satu perspektif secara menyeluruh, kepekaan gender itu juga perlu kita tengok. Biar kita kumpul dahulu maklumat dan lihat model yang sesuai untuk Malaysia. Pelbagai pandangan sudah diberikan dan kita memang mahu mendengar daripada masyarakat pandangan-pandangan seperti ini.

Guru takut ajar pendidikan seks

Guru tiada latihan formal, kesatuan bimbang disaman ibu bapa

KESATUAN Perkhidmatan Persekolahan Kebangsaan (MPTP) tidak yakin guru dan ibu bapa bersedia menerima pendidikan seks kerana bimbang 5000 petinggi sekolah kebangsaan dan

mencorak MPTP yang mahu 100,000 guru menerima latihan pendidikan seks untuk empat juta pelajar di seluruh negara.

Kesatuan itu bimbang jika terdapat guru pendakwa atau guru yang tidak bersedia untuk mengajar seks kepada anak-anak mereka. BERTANI MUKA.



KERATAN *Kosmo!* 3 Mac 2010.